

TINGKAH LAKU BULI DALAM KALANGAN MURID-MURID DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BATU KAWA, KUCHING.


**(BULLY ACTION AMONG STUDENTS IN SEKOLAH MENENGAH
KEBANGSAAN BATU KAWA, KUCHING)**

JONNA ANAK RANDOG

**KERTAS PROJEK YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2015



Sila tanda (\)	
Kertas Projek	✓
Sarjana Penyelidikan	
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus	
Doktor Falsafah	

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 01 Mac 2015

i. Perakuan pelajar

Saya, Jonna Anak Randog, Nombor Matrik M20131000217, Fakulti Pendidikan Dan Pembangunan Manusia dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk Tingkah Laku Buli Dalam Kalangan Murid-Murid Di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kawa, Kuching adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, abstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia

Saya, PROFESOR MADYA DATO DR. ABDUL LATIF HAJI GAPOR dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk TINGKAH LAKU BULI DALAM KALANGAN MURID-MURID DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BATU KAWA, KUCHING dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan (Sosiologi Pendidikan)

Tarikh

Tandatangan Penyelia





Sila tanda (\)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

1
2
3
4

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 01 (hari bulan) MAC (bulan) 2015

i. Perakuan pelajar :

Saya, JONNA ANAK RANDOG (M20131000217), FPPM (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk TINGKAH LAKU BULI DALAM KALANGAN MURID-MURID DI SEKOLAH MENENGAH KERANGSAAN BATU' CAUFT, CU CHING

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, _____ (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk _____

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah

(SLA NYATAKAN NAMA

IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia





PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ucapan syukur yang tidak terhingga kepada Tuhan yang maha kuasa kerana saya telah berjaya menyempurnakan projek penyelidikan ini sebagai mana yang dikehendaki. Walau bagaimanapun, segala usaha ini tidak mungkin akan berhasil tanpa adanya kerjasama, sokongan, dorongan dan bimbingan dari pelbagai pihak. Atas sumbangan dan galakan yang diberi, saya ingin merakamkan ucapan berbanyak-banyak terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada mereka.

Penghargaan yang tidak ternilai saya rakamkan khas buat penyelia kertas projek saya iaitu Profesor Madya Dato Dr. Abdul Latif Haji Gapor atas bimbingan, pengorbanan serta kesungguhan beliau memberi panduan dan tunjuk ajar kepada saya sehingga terhasilnya kertas projek ini. Ucapan berbanyak-banyak terima kasih juga saya ucapan kepada semua pensyarah yang terlibat dalam program Ijazah Sarjana Pendidikan (Sosiologi Pendidikan) ini terutama kepada Profesor Dr. Amir Hasan Dawi selaku penyelaras kursus dan Dekan Fakulti Pendidikan dan Perkembangan Manusia, Dr. Abdul Talib Mohd Hashim, Dr. Mohammad Nasir Bin Bistamam, Dr. Abdul Aziz Bin Shukor, dan Dr. Noraini Binti Mohd Noh atas panduan dan didikan mereka yang menyumbang kepada kejayaan saya menerokai alam ilmu pendidikan selama ini.



05-4506832 Saya juga terhutang budi kepada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) kerana memberi kebenaran, peluang dan ruang kepada saya untuk meneruskan usaha menimba ilmu pengetahuan dalam bidang sosiologi pendidikan.



Selain itu saya juga mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak kerana membenarkan saya melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah sarjana. Tidak lupa juga ucapan berbanyak-banyak terima kasih saya ucapan kepada En. Joseph Ng, pengetua SMK Batu Kawa kerana meluluskan permohonan saya untuk melanjutkan pelajaran dan membenarkan saya melakukan kajian kertas projek dengan menggunakan murid-murid di sekolah ini sebagai respondan kajian saya. Sekalung budi dan seikhlas rasa penghargaan juga saya ucapan kepada rakan-rakan sekuliah kerana sentiasa membantu, membimbing, mendorong serta sama-sama bersabar menghadapi dugaan semasa mengikuti program ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada rakan-rakan sejawatan di SMK Batu Kawa atas sokongan dan kerjasama anda semua.





TINGKAH LAKU BULI DALAM KALANGAN MURID-MURID DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BATU KAWA

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji kejadian tingkah laku buli dalam kalangan murid-murid tingkatan 1 hingga tingkatan 5 di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kawa, Kuching berdasarkan jantina, kaum dan tingkatan. Seramai 330 orang murid telah dijadikan respondan dengan menjawab satu set soalan soal selidik yang terdiri daripada empat bahagian yang merangkumi semua objektif, persoalan dan hipotesis kajian ini. Model kajian Olweus (1978) telah digunakan sebagai teori kajian. Dalam kajian ini penyelidik telah menggunakan kaedah kuantitatif. Semua responden dikehendaki menjawab semua item dalam set soalan soal selidik yang telah diberikan. Maklumat yang diperolehi daripada kaji selidik tersebut telah dianalisis dengan menggunakan program SPSS Ver. 21. Kaedah kuantitatif iaitu statistik deskriptif dan inferensi digunakan dalam menganalisis data. Soal selidik yang mengandungi item-item berkaitan dengan demografik responden (nama sekolah, jantina, tingkatan, kaum / etnik, kecacatan fizikal, tahap penglibatan dalam kegiatan kurikulum), kehidupan di sekolah, punca-punca tingkah laku buli, dan ciri-ciri mangsa buli digunakan untuk memungut data. Kajian ini menunjukkan keputusan berikut: Pertama, tahap tingkah laku buli di sekolah ini berada dalam tahap sederhana (skor min 1.72 dan sisih piawai 0.63). Kedua tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan bagi perlakuan buli dalam kalangan murid-murid berdasarkan jantina dan kaum. Ketiga, terdapat perbezaan skor min yang signifikan perlakuan tingkah laku buli dalam kalangan murid-murid berdasarkan tingkatan. Keempat, jenis tingkah laku buli yang kerap berlaku di sekolah tersebut ialah tingkah laku buli anti sosial dengan diikuti oleh tingkah laku buli verbal dan fizikal. Kelima, faktor individu merupakan faktor yang paling banyak menyumbang kepada perlakuan buli dengan diikuti oleh faktor sekolah dan faktor keluarga.





BULLY BEHAVIOUR AMONG STUDENTS IN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BATU KAWA, KUCHING

ABSTRACT

The aim of this study is to investigate the prevalence of bullying behaviour amongst pupils of Form 1 to Form 5 in the SMK Batu Kawa, Kuching based on gender, race and levels. A total of 330 students were selected as respondents by answering a set of questionnaire consisting of four parts which cover all the objectives, questions and hypotheses of this study. Model studies Olweus (1978) was used as a theoretical study. In this study researchers have used quantitative methods. All respondents were required to answer all items in the set of questionnaire given. Information obtained from the survey were analyzed using SPSS Ver. 21. The method of quantitative descriptive and inferential statistics are used in analyzing the data. Questionnaire containing items related to demographic respondents (school name, gender, grade, race / ethnicity, physical disability, level of involvement in co-curricular activities), school life, the causes of bullying behavior, and characteristics of the victims used to collect data. This study showed the following results: First, the levels of bullying behavior in schools are located in the medium level (mean score 1.72 and 0.63 standard deviation). Second, there was no significant difference in mean score of bullying among pupils by gender and race. Third, there are significant differences in mean scores behavioral treatment of bullying among pupils by levels. Fourth, the type of bullying behavior that frequently occur in school bullying behavior is anti-social behavior, followed by verbal and physical bullying. Fifth, the individual factors are the factors that contribute the most to bullying, followed by school factors and family factors.





KANDUNGAN

BAB	PERKARA	Halaman
	PENGAKUAN	ii
	PENGHARGAAN	iii
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv



BAB I PENDAHULUAN

1.1.	Pengenalan	1
1.2.	Latar belakang kajian	3
1.3.	Penyataan masalah	4
1.4.	Tujuan kajian	6
1.4.1.	Tujuan umum kajian	6
1.4.2.	Tujuan khusus kajian	6
1.5.	Objektif kajian	7
1.5.1.	Objektif umum kajian	7
1.5.2.	Objektif khusus kajian	7
1.6.	Persoalan kajian	8
1.7.	Kepentingan kajian	9
1.8.	Hipotesis kajian	9
1.9.	Rasional kajian	10
1.10.	Bidang dan batasan kajian	11
1.11.	Limitasi kajian	12
1.12.	Delimitasi kajian	13
1.13.	Definisi operasional kajian	13
1.13.1.	Sekolah	13
1.13.2.	Tingkah laku buli dan jenis tingkah laku buli	14
1.13.3.	Punca tingkah laku buli	14
1.13.4.	Pembuli	15
1.13.5.	Mangsa buli	15
1.13.6.	Ciri-ciri mangsa buli	15





1.13.7. Tahap tingkah laku buli	16
1.14. Kerangka kajian	17
1.15. Penutup	20

BAB II TINJAUAN LITERATUR 21

2.1. Pengenalan	21
2.2. Tinjauan literatur yang berkaitan	23
2.2.1. Definisi tingkah laku buli	23
2.2.2. Jenis tingkah laku buli	24
2.2.3. Punca kejadian buli	25
2.2.4. Mangsa buli	26
2.2.5. Indeks tingkah laku buli sekolah	27
2.2.6. Tahap tingkah laku buli sekolah	27
2.2.7. Masalah tingkah laku buli di sekolah	28
2.3. Pendekatan teori	29
2.4. Penutup	30

BAB III METODOLOGI KAJIAN 32

3.1. Pengenalan	32
3.2. Reka bentuk kajian	33
3.3. Instrumen kajian	34
3.4. Lokasi kajian	36
3.5. Populasi dan pensampelan kajian	36
3.6. Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian	38
3.7. Prosedur kajian	40
3.8. Tatacara analisis data	40
3.8.1. Analisis deskriptif	41
3.8.2. Analisis inferensi	41
3.9. Penganalisan data	42
3.10. Kesimpulan	42

**BAB IV DAPATAN KAJIAN 43**

4.1. Pengenalan	43
4.2. Analisis deskriptif latar belakang responden kajian	44
4.2.1. Analisis deskriptif responden berdasarkan tingkatan	44
4.2.2. Analisis deskriptif responden berdasarkan jantina	45
4.2.3. Analisis deskriptif responden berdasarkan kaum	45
4.2.4. Analisis deskriptif tahap penglibatan responden dalam aktiviti kokurikulum	46
4.2.5. Analisis deskriptif kecacatan fizikal responden	48
4.3. Analisis deskriptif	48
4.3.1. Jenis tingkah laku buli yang kerap berlaku dalam kalangan murid sekolah	48
4.3.1. (a) Kekerapan tingkah laku buli fizikal	48





4.3.1. (b) Kekerapan tingkah laku buli verbal	51
4.3.1. (c) Kekerapan tingkah laku buli anti sosial	54
4.3.2. Punca-punca kejadian buli di sekolah	57
4.3.2. (a) Faktor individu	57
4.3.2. (b) Faktor sekolah	60
4.3.2. (c) Faktor keluarga	62
4.3.3. Ciri-ciri mangsa buli di sekolah	65
4.3.3. (a) ciri fizikal	65
4.3.3. (b) ciri psikologi	68
4.4. Analisis deskriptif berdasarkan objektif kajian	70
4.4.1. Tahap tingkah laku buli secara keseluruhan di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kawa	71
4.4.1. (a) Taburan tahap tingkah laku buli secara keseluruhan murid-murid	71
4.4.1. (b) Tahap tingkah laku buli secara keseluruhan murid-murid	72
4.4.2. Min tahap tingkah laku buli fizikal, verbal dan anti sosial	72
4.4.2.1. Min tahap tingkah laku buli fizikal, verbal dan anti sosial secara keseluruhan	72
4.4.2.2. Min tahap tingkah laku buli fizikal, verbal dan anti sosial berdasarkan jantina	74
4.4.2.3. Min tahap tingkah laku buli fizikal, verbal dan anti sosial berdasarkan kaum	75
4.4.2.4. Min tahap tingkah laku buli fizikal berdasarkan tingkatan	77
4.5. Pengujian hipotesis	79
4.5.1. Hipotesis 1	79
4.5.2. Hipotesis 2	80
4.5.3. Hipotesis 3	80
4.5.4. Hipotesis 4	81
4.5.5. Hipotesis 5	83
4.6. Kesimpulan	88
 BAB V PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	 89
5.1. Pengenalan	89
5.2. Perbincangan hasil dapatan kajian	91
5.2.1. Perbincangan latar belakang respondan	91
5.2.2. Perbincangan dapatan kajian jenis tingkah laku buli yang kerap terjadi dalam kalangan murid-murid	93
5.2.3. Perbincangan dapatan kajian tentang punca-punca tingkah laku buli dalam kalangan murid-murid	94
5.2.4. Perbincangan dapatan kajian berkaitan ciri-ciri mangsa buli	96
5.2.5. Perbincangan dapatan kajian perbezaan tingkah laku buli (fizikal, verbal, anti sosial dan keseluruhan)	97
5.3. Rumusan	101
5.4. Cadangan kepada pihak berkaitan	104





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
x

5.5. Cadangan kajian akan datang 107

Rujukan 109

Lampiran

Instrumen kajian 114

Jadual Penentuan saiz sampel Kreijie dan Morgan (1970) 119



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

N0. Jadual	Tajuk	Halaman
Jadual 4.2.1.	Taburan bilangan responden mengikut tingkatan	44
Jadual 4.2.2.	Taburan bilangan responden mengikut jantina	45
Jadual 4.2.3.	Taburan bilangan responden mengikut kaum	46
Jadual 4.2.4.	Taburan responden mengikut tahap penglibatan dalam aktiviti ko-kurikulum	47
Jadual 4.2.5.	Taburan bilangan responden yang dilaporkan mengalami kecacatan	48
Jadual 4.3.1 (a)	Taburan responden mengikut peratus, min dan sisihan piawai bagi kekerapan tingkah laku buli fizikal	50
Jadual 4.3.1. (b)	Taburan responden mengikut peratus, min dan sisihan piawai bagi kekerapan tingkah laku buli verbal	53
Jadual 4.3.1. (c)	Taburan responden mengikut peratus, min dan sisihan piawai bagi kekerapan tingkah laku buli anti sosial	56
Jadual 4.3.2. (a)	Taburan responden mengikut kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai bagi punca kejadian buli (Faktor Individu)	59
Jadual 4.3.2. (b)	Taburan responden mengikut kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai bagi punca kejadian buli (Faktor sekolah)	62
Jadual 4.3.2. (c)	Taburan responden mengikut kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai bagi punca kejadian buli (Faktor keluarga)	64
Jadual 4.3.3. (a)	Taburan responden mengikut kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai bagi ciri fizikal mangsa buli	67
Jadual 4.3.3. (b)	Taburan responden mengikut kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai bagi ciri psikologi mangsa buli	70





Jadual 4.4.1. (a)	Taburan tahap tingkah laku buli secara keseluruhan murid-murid	71
Jadual 4.4.1. (b)	Tahap tingkah laku buli secara keseluruhan murid-murid	72
Jadual 4.4.2.1. (a)	Taburan min tahap tingkah laku fizikal, verbal dan anti sosial secara keseluruhan	73
Jadual 4.4.2.1. (b)	Min tahap tingkah laku fizikal, verbal dan anti sosial secara keseluruhan	74
Jadual 4.4.2.2.	Perbezaan min tingkah laku fizikal, verbal dan anti sosial berdasarkan jantina	75
Jadual 4.4.2.3.	Perbezaan min tingkah laku fizikal, verbal dan anti sosial berdasarkan tingkatan	77
Jadual 4.4.2.4.	Perbezaan min tingkah laku fizikal, verbal dan anti sosial berdasarkan tingkatan	79
Jadual 4.5.1.	Analisis perbezaan tingkah laku buli mengikut jantina	81
Jadual 4.5.2.	Hasil ANOVA sehala perbezaan pembolehubah berdasarkan kaum	83
Jadual 4.5.3.	Hasil ANOVA sehala perbezaan pembolehubah tingkah laku fizikal, verbal, dan anti sosial berdasarkan tingkatan	84
Jadual 4.5.3. (a)	Hasil analisis Ujian Post Hoc terhadap pembolehubah tingkah laku buli verbal berdasarkan tingkatan	85
Jadual 4.5.3. (b)	Hasil analisis Ujian Post Hoc terhadap pembolehubah tingkah laku buli verbal berdasarkan tingkatan	87
Jadual 4.5.4.	Korelasi antara pembolehubah tingkah laku buli dengan ciri-ciri mangsa buli	88



SENARAI RAJAH

N0.	Rajah	Tajuk	Halaman
	Rajah 1	Kerangka teori kajian berdasarkan model kajian Olweus (1978) dipetik daripada kajian Azizi Yahya et. al (2008) dan Ahmad Badrul Hisham (2009).	17
	Rajah 3.2.1	Pembahagian item dan bilangannya	35
	Rajah 3.4.	Populasi dan persampelan kajian	37
	Rajah 3.5.	Item instrumen yang diubahsuai	39



SENARAI SINGKATAN

IPK	Ibu Pejabat Polis Kontinjen
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
JPNS	Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
NGO	<i>Non-Government Organization</i> atau Pertubuhan Bukan Kerajaan
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPSS Ver. 21	<i>Statistical Package for Social Science Version 21</i>
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i> atau Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
SES	<i>Socio – Economic Status</i> atau Taraf sosio – ekonomi



BAB I

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Secara umumnya, bab satu ini akan menjelaskan tentang latar belakang kajian dengan fokus perbincangan tertumpu kepada konsep kejadian buli dalam kalangan murid-murid sekolah menengah. Institusi pendidikan merupakan salah satu institusi formal yang dihadiri oleh kanak-kanak di Malaysia. Kanak-kanak berusia enam tahun akan mula memasuki alam pra sekolah dan alam persekolahan sebenar dari tahun satu sehingga ke tingkatan lima. Justeru itu institusi sekolah merupakan sebuah institusi yang amat penting dalam sesebuah negara dalam melahirkan generasi pemimpin dan peneraju negara pada masa hadapan. Di sinilah mereka dididik dan dibentuk. Institusi



persekolahan merupakan tempat pemupukan dan pembentukan jati diri dan patriotisme anak bangsa selain berfungsi sebagai tempat pendidikan akademik dan kemahiran.

Namun begitu, terdapat banyak kes salah laku yang berlaku di sekolah yang telah dilaporkan oleh media-media massa sehingga institusi persekolahan itu seakan-akan tidak lagi selamat kepada murid-murid sekolah. Antara tingkah laku disiplin yang sering dilaporkan adalah seperti tingkah laku buli, gangsterisme, pergaduhan, rogol, seks bebas, penyalahgunaan bahan terlarang dan sebagainya.



Menurut Sharala Dewi Thyakaran (2010), kebanyakan masalah jenayah di sekolah bermula dengan masalah buli. Tingkah laku buli dalam kalangan murid-murid sekolah merupakan masalah utama kesihatan awam bukan sahaja dalam negara malah menjadi masalah juga di luar negara (Nansel, Craig, Overpeck, Saluja, & Ruan, 2004 dalam buku *Measuring Bullying Victimization, Perpetration, and Bystander Experiences: A compendium of assessment tools, 2011*).

Buli merupakan satu bentuk deviasi tingkah laku melalui perbuatan mengasari orang yang lemah dengan tujuan untuk menunjukkan kekuatan diri. Buli boleh berbentuk fizikal dan mental. Kes buli bukan sahaja berlaku dalam kalangan murid-murid lelaki, tetapi yang membimbangkan adalah, tingkah laku tersebut wujud juga dalam kalangan murid-murid perempuan.





Justeru itu, usaha-usaha bersepdu dan berterusan perlu diambil oleh semua pihak yang terlibat bagi mengenal pasti tahap keseriusan, faktor-faktor penyebab, kesan-kesan dan langkah-langkah membendung gejala tersebut agar tingkah laku buli tersebut tidak terus berleluasa. Kajian yang akan dilakukan ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap tingkah laku buli di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kawa. Selain itu, kajian ini juga berhasrat untuk mengenal pasti jenis-jenis tingkah laku buli yang wujud dalam kalangan murid-murid sekolah menengah dan punca-punca gejala itu berlaku.

1.2. Latar Belakang Kajian



Laporan-laporan berkaitan dengan kes-kes perlanggaran disiplin, keganasan dan buli di sekolah telah banyak dilaporkan oleh media-media massa sama ada media bercetak mahupun media elektronik. Masalah buli merupakan salah satu masalah disiplin yang serius ketika ini. Bukan sahaja tingkah laku buli secara fizikal, verbal dan anti sosial, malah wujud juga tingkah laku buli siber. Surat khabar perdana, Berita Harian bertarikh 23 Mei 2014, muka surat 9 menunjukkan berlakunya buli siber yang amat membimbangkan kerana boleh menjelaskan kestabilan emosi mangsanya. Manakala dalam keluaran bertarikh 09 Februari 2014, Berita Harian melaporkan bahawa bahawa seorang murid lelaki tingkatan satu bertindak meminum racun serangga kerana tidak tahan diejek oleh rakan-rakannya dengan panggilan budak bodoh, selain turut mempersendakan nama bapanya.





Berdasarkan bilangan kes disiplin murid sekolah menengah dan rendah pada tahun 2012 oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (2013), menunjukkan bahawa kes buli telah berlaku sebanyak 2005 kali di sekolah menengah dan 2154 kes bagi sekolah menengah. Bilangan kes tersebut menyumbang kepada 6.95% bagi sekolah rendah dan 2.75% bagi sekolah menengah bagi peratus keseluruhan tingkah laku jenayah yang dilaporkan. Bilangan kes buli tersebut kelihatan meningkat berbanding dengan yang laporkan dalam Utusan Malaysia bertarikh 9 Julai 2005 iaitu hanya sebanyak 1600 orang murid terlibat (Dalam Azizi Hj. Yahaya *et. al*, 2008; 2). Trend tingkah laku buli ini akan terus meningkat jika tiada langkah-langkah mencegahnya dilaksanakan. Kajian perlu dibuat untuk mengetahui punca-punca berlakunya tingkah laku buli tersebut sebelum tindakan mencegahnya yang lebih efektif dilaksanakan.



1.3. Penyataan Masalah

Tingkah laku buli menjadi salah satu masalah disiplin yang berlaku di sekolah, bukan sahaja di sekolah menengah, malah turut juga berlaku di sekolah rendah, kolej dan universiti di Malaysia pada hari ini. Hanya yang membezakannya adalah, adakah tingkah laku tersebut dilaporkan atau tidak, tahap keseriusan buli, jenis buli dan tahap kesan yang dialami oleh mangsa. Sebenarnya tingkah laku buli yang dilaporkan adalah jauh lebih rendah dari segi statistiknya berbanding dengan keadaan sebenar.

Kes-kes berkaitan tingkah laku buli biasanya berlaku di sekolah-sekolah

bandar sama ada di sekolah-sekolah kebangsaan, sekolah bantuan kerajaan, sekolah berasrama penuh, malah berlaku juga di kolej- kolej dan pusat-pusat latihan





kemahiran yang lain. Terdapat banyak kes tingkah laku buli yang telah dilaporkan melalui media-media massa. Tidak kurang juga kes tingkah laku buli yang tidak dilaporkan. Kajian yang dijalankan oleh Azizi Hj Yahaya & Abdul Latif Ahmad (2005: 70) di beberapa sekolah menengah di daerah Batu Pahat Johor, menunjukkan bahawa tingkah laku buli tersebut berlaku walaupun dalam tahap sederhana iaitu dengan min skor 2.72 dan sisihan piawai 0.75. Kajian yang dijalankan oleh Azizi Hj. Yahaya, Yusof Boon, Shahrin Hashim, Mohammad Sharif Mustaffa & Zurhana Muhamad (2008 : 68 – 104) di empat buah negeri iaitu Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor juga menunjukkan bahawa tingkah laku buli ini memang wujud dan perlu ditangani segera.



menengah di Amerika Syarikat, mendapati bahawa 40% sampel kajiannya melaporkan bahawa mereka pernah menjadi mangsa buli.

Justeru itu saya berpendapat bahawa tingkah laku buli ini memang berlaku bukan sahaja di negara kita Malaysia, malah turut berlaku juga di negara-negara lain. Oleh yang demikian kajian perlu dilakukan untuk mengetahui keadaan sebenar tingkah laku buli dalam kalangan murid-murid sekolah di Malaysia.

Kajian yang saya lakukan ini akan mengkaji tahap tingkah laku tingkah laku buli yang berlaku dalam kalangan murid-murid sekolah menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kawa. Kajian ini akan cuba mengenal pasti jenis-jenis





tingkah laku buli yang berlaku dalam kalangan murid-murid sekolah menengah serta punca-punca tingkah laku buli tersebut.

1.4. Tujuan Kajian

1.4.1. Tujuan Umum Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap tingkah laku buli dalam kalangan murid-murid di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kawa. Di samping itu, kajian ini turut bertujuan untuk mengenal pasti kekerapan tingkah laku buli, faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya buli dan ciri-ciri mangsa buli berdasarkan tiga faktor demografi iaitu tingkatan, kaum dan jantina. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli dalam kalangan murid-murid mengikut tingkatan, kaum dan jantina. Di samping itu, kajian ini juga dijalankan untuk melihat perhubungan antara ciri-ciri mangsa buli dengan tahap perlakuan buli di sekolah ini.

1.4.2. Tujuan Khusus Kajian

Berdasarkan tujuan umum di atas, maka tujuan khusus kajian ini adalah untuk melihat;



- 1.4.2.1. Jenis-jenis tingkah laku buli sama ada buli berbentuk fizikal, verbal dan anti sosial yang berlaku dalam kalangan murid-murid di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kawa.
- 1.4.2.2. Tahap tingkah laku buli di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kawa, sama ada berada dalam tahap rendah, sederhana atau pun tinggi.
- 1.4.2.3. Faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya tingkah laku buli dalam kalangan murid-murid di SMK Batu Kawa.
- 1.4.2.4. Ciri-ciri mangsa buli di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kawa.
- 1.4.2.5. Perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli dalam kalangan murid-murid mengikut tingkatan, kaum dan jantina.
- 1.4.2.6. Perhubungan antara tahap tingkah laku buli dengan ciri-ciri mangsa buli.

1.5. Objektif Kajian

Objektif kajian ini mengandungi dua objektif iaitu objektif secara umum dan objektif secara khusus.

1.5.1. Objektif Umum Kajian

Objektif umum kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti tahap tingkah laku buli dalam kalangan murid-murid di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kawa, Kuching, Sarawak.

1.5.2. Objektif Khusus Kajian

Berdasarkan objektif umum kajian di atas, maka objektif kajian ini adalah untuk;



- 1.5.2.1. Mengenal pasti jenis tingkah laku buli; buli fizikal, buli verbal dan buli anti sosial yang kerap berlaku di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kawa.
- 1.5.2.2. Mengenal pasti punca-punca lebih dominan yang menjurus kepada kejadian tingkah laku buli dalam kalangan murid-murid di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kawa.
- 1.5.2.3. Mengenal pasti ciri-ciri mangsa buli dalam kalangan murid-murid di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kawa.
- 1.5.2.4. Mengenal pasti tahap tingkah laku buli di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kawa.
- 1.5.2.5. Mengetahui sama ada terdapat perbezaan yang signifikan tingkah laku buli dalam kalangan murid-murid di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kawa berdasarkan tingkatan, kaum dan jantina.
- 1.5.2.6. Mengenal pasti hubungan antara tahap tingkah laku buli dengan ciri-ciri mangsa buli.



Kajian ini dijalankan untuk merungkai dan menjawab persoalan-persoalan kajian berikut;

- 1.6.1. Apakah jenis-jenis tingkah laku buli yang kerap berlaku di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kawa?
- 1.6.2. Apakah punca-punca yang menyebabkan berlakunya tingkah laku buli dalam kalangan murid-murid di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kawa?
- 1.6.3. Apakah ciri-ciri mangsa buli yang berlaku dalam kalangan murid-murid di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kawa?
- 1.6.4. Apakah tahap tingkah laku buli di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kawa?
- 1.6.5. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan tingkah laku buli dalam kalangan murid-murid di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kawa berdasarkan tingkatan, kaum dan jantina.





1.6.6. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap tingkah laku buli dengan ciri-ciri mangsa buli?

1.7. Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menambah baik kajian sedia ada yang pernah dijalankan oleh para penyelidik sebelum ini. Kajian ini akan dapat memberi satu gambaran yang lebih jelas tentang tahap tingkah laku buli di kalangan murid-murid Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kawa, Kuching, Sarawak..

Berdasarkan hasil kajian ini, kita akan dapat mengenal pasti faktor-faktor penyebab, kesan-kesan terhadap mangsa buli serta membuka ruang dan peluang kepada pihak terbabit untuk merangka pelan strategik bagi mengatasi masalah buli dalam kalangan murid-murid di sekolah. Hasil kajian ini boleh juga menjadi penanda aras kepada tingkah laku buli di sekolah-sekolah lain tidak kira tempat dan latar belakang sekolah berkenaan.

1.8. Hipotesis Kajian

Objektif khusus kajian 1.5.2.1. hingga 1.5.2.4 dan persoalan kajian 1.6.1. hingga 1.6.4. dicapai melalui analisis secara deskriptif. Oleh itu analisis statistik peratusan dan min digunakan untuk mencapai objektif dan persoalan kajian berkenaan. Namun demikian, objektif 1.5.2.5. hingga 1.5.2.6. dan persoalan kajian 1.6.5. hingga 1.6.6. dicapai melalui analisis secara inferensi melalui pengujian hipotesis. Oleh itu sebanyak lima





hipotesis alternatif (Ha) telah dibentuk dalam kajian ini dan akan dianalisis dengan menggunakan statistik Ujian T, ANOVA sehalia, Ujian Post Hoc dan Korelasi Pearson R.

- Ha 1 Terdapat perbezaan yang signifikan kekerapan tingkah laku buli dalam kalangan murid-murid di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kawa berdasarkan tingkatan, kaum dan jantina.
- Ha 2 Terdapat perbezaan yang signifikan tingkah laku buli fizikal dalam kalangan murid-murid di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kawa berdasarkan tingkatan, kaum dan jantina.
- Ha 3 Terdapat perbezaan yang signifikan tingkah laku buli verbal dalam kalangan murid-murid di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kawa berdasarkan tingkatan, kaum dan jantina.
- Ha 4 Terdapat perbezaan yang signifikan tingkah laku buli anti sosial dalam kalangan murid-murid di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kawa berdasarkan tingkatan, kaum dan jantina.
- Ha 5 Terdapat hubungan yang signifikan antara tahap tingkah laku buli dengan ciri-ciri mangsa buli



1.9. Rasional Kajian

Tingkah laku buli kerap berlaku dalam kalangan murid-murid bukan sahaja di peringkat sekolah menengah atau sekolah rendah, namun tingkah laku ini berlaku juga di sekolah-sekolah jenis kebangsaan, sekolah swasta, sekolah jenis kebangsaan dan sebagainya (Noran Fauziah Yaakub, 2009). Tingkah laku buli dalam kalangan pelajar di institusi pendidikan akan menimbulkan masalah-masalah disiplin dan devian seperti gangsterisme, ponteng sekolah, sikap penarikan diri dan sebagainya (Boatwright, Mathis, dan Smith-Rex, 2000, dalam buku Azizi Yahya et. al yang bertajuk Buli,





2007). Masalah tingkah laku buli akan memberi impak yang besar kepada peranan sekolah sebagai pembentuk jati diri dan institusi yang mendidik anak bangsa. Tingkah laku buli tersebut membawa kesan terhadap perkembangan pelajar dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek seperti yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Tingkah laku buli juga akan memberi kesan kepada kedua-dua pihak yang terlibat iaitu pembuli dan mangsa buli.

Masalah tingkah laku buli akan menyebabkan murid-murid terutamanya mangsa buli merasakan bahawa sekolah bukan lagi merupakan satu tempat yang selamat. Begitu juga dengan ibu bapa mangsa buli tersebut, di mana mereka berasa ragu-ragu tentang keselamatan anak-anak mereka di sekolah. Pihak sekolah dan guru-guru pula berperanan sebagai pengawas dan penguatkuasa selain daripada tugas mendidik.

Berdasarkan kenyataan di atas, maka tingkah laku buli perlulah diberi perhatian serius dan ditangani dengan segera. Tanpa tindakan yang sewajarnya, tingkah laku buli akan terus berleluasa dan menghantui pihak-pihak yang terbabit, khususnya mangsa dan keluarga mangsa buli tersebut.

1.10. Bidang dan Batasan Kajian

Kajian yang dibentangkan ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap tingkah laku buli dalam kalangan murid-murid sekolah menengah yang terdapat di Sekolah Menengah





Kebangsaan Batu Kawa, Kuching, Sarawak. Dalam penyelidikan ini, penyelidik memberi fokus kepada mengenal pasti tahap tingkah laku buli dalam kalangan murid-murid di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kawa. Selain itu, penyelidik cuba untuk mengenal pasti jenis-jenis tingkah laku buli yang wujud dalam kalangan murid-murid sekolah menengah serta kekerapannya. Di samping itu, penyelidik cuba untuk mengenal pasti punca-punca kejadian kes buli serta ciri-ciri mangsa buli tersebut.

1.11. Limitasi Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah tertakluk kepada limitasi-limitasi berikut.

- 1.11.1. Kajian ini dibatasi oleh objektif dan persoalan dalam kajian yang dinyatakan sebelum ini. Perkara-perkara yang menjadi persoalan dalam kajian ini adalah seperti tahap tingkah laku buli di sekolah, kekerapan tingkah laku buli di sekolah, jenis-jenis tingkah laku buli di sekolah, punca-punca berlakunya kejadian buli di sekolah dan ciri-ciri mangsa buli adalah terbatas kepada apa yang dijelaskan dalam kajian ini.
- 1.11.2. Tahap tingkah laku buli di sekolah, kekerapan tingkah laku buli di sekolah, jenis tingkah laku buli di sekolah, punca kejadian buli di sekolah dan ciri-ciri mangsa buli dalam kalangan murid-murid sekolah menengah adalah diukur dengan menggunakan soalan soal selidik yang dibangunkan oleh penyelidik sebelum ini iaitu Azizi Hj. Yahya et. al. (2008). Soalan soal selidik tersebut telah diubah suai berdasarkan keperluannya untuk menjawab semua persoalan kajian.
- 1.11.3. Dapatan kajian ini juga terbatas kepada pemilihan dan keupayaan respondan yang terdapat di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kawa, Kuching, Sarawak sahaja.
- 1.11.4. Kajian ini juga terbatas kepada kaedah pensampelan yang digunakan iaitu kaedah pensampelan kebarangkalian. Prosedur rawak kebarangkalian yang





dipilih adalah prosedur persampelan rawak mudah. Berdasarkan prosedur tersebut, setiap murid mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai respondan kajian (Chua Yan Piaw, 2006). Pemilihan respondan juga terbatas kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kawa, Kuching, Sarawak sahaja.

- 1.11.5. Pembolehubah-pembolehubah seperti tahap tingkah laku buli, jenis tingkah laku buli, punca pelakuan buli dan ciri-ciri mangsa buli yang digunakan dalam analisis kajian bagi menjawab persoalan kajian adalah terhad kepada apa yang dinyatakan dalam kajian ini sahaja. Faktor-faktor lain yang tidak dinyatakan dalam kajian ini adalah tidak dikaji.
- 1.11.6. Dapatan kajian juga bergantung kepada kejujuran, pemahaman, dan keupayaan kognitif para respondan mentafsir kehendak soalan soal selidik.
- 1.11.7. Dapatan kajian juga bergantung kepada faktor kemampuan penguji, masa, dan kemudahan-kemudahan sedia ada.



1.12. Delimitasi Kajian

Pengkaji tidak bertanggungjawab atas tindakan, kerugian dan kesan yang berlaku sebelum, semasa dan selepas kajian dijalankan. Selain itu, respondan yang dipilih juga bergantung kepada pengetua atau wakil pengetua yang memberi kebenaran.

1.13. Definisi Operasional Kajian

1.13.1. Sekolah

Menurut Kamus Dewan Edisi keempat (2010), sekolah membawa maksud tempat belajar dan mengajar, tempat menerima dan memberi pelajaran oleh guru guru kepada





murid-murid yang menuntut ilmu tersebut. Menurut Amir Hassan Dawi (2009), sekolah merupakan institusi berstruktur yang mengandungi dimensi interaksi tiga kumpulan yang dominan iaitu pihak pengurusan, guru-guru dan para pelajar. Berdasarkan pernyataan tersebut, maka sekolah bolehlah ditakrifkan sebagai satu institusi yang mengandungi tiga pihak dominan yang menjalankan rutin harian mereka sebagai pusat pentadbiran institusi tersebut, melaksanakan proses pengajaran oleh pihak guru dan melaksanakan proses pembelajaran oleh pihak murid-murid.

1.13.2. Tingkah laku buli dan jenis tingkah laku buli

Tingkah laku buli dalam konteks kajian ini ialah tingkah laku buli yang dilakukan secara sengaja dan menyebabkan kemudaratan secara fizikal serta psikologi oleh pembuli terhadap mangsanya. Contoh tingkah laku buli tersebut adalah bersifat mengejek, anti sosial, memukul, mencedera dan sebagainya. Dalam kajian ini penyelidik hanya mengkaji tingkah laku buli jenis fizikal, verbal dan anti sosial sahaja.

1.13.3. Punca tingkah laku buli

Punca tingkah laku sosial merujuk kepada sebab-sebab atau faktor-faktor yang menyumbang kepada tingkah laku buli. Antara faktor-faktor tersebut ialah faktor diri pembuli, mangsa buli, faktor rakan sebaya, faktor keluarga, faktor sekolah, faktor masyarakat, faktor media massa dan sebagainya. Faktor-faktor yang akan dikaji dalam kajian ini hanyalah faktor individu, faktor sekolah, dan faktor keluarga sahaja.



1.13.4. Pembuli

Pembuli merujuk kepada murid-murid yang melakukan kekasaran sama ada dalam bentuk sentuhan fizikal, perkataan dan perbuatan kepada mangsanya secara sengaja bertujuan untuk mencederakan, menjatuhkan maruah, dan menyebabkan mangsanya tidak selesa atau rasa ketakutan terhadap pembuli tersebut.

1.13.5. Mangsa buli

Mangsa buli merujuk kepada murid-murid yang menerima kesan negatif daripada tingkah laku sosial seperti mengalami kesakitan, kecederaan, kemurungan, rasa rendah diri, penarikan diri daripada kelompok sosialnya, mengalami fobia, ketakutan dan sebagainya. Dalam kajian ini, pengkaji tidak mengkaji kesan-kesan tingkah laku



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.13.6. Ciri-ciri mangsa buli

Ciri-ciri mangsa buli merujuk kepada sifat-sifat fizikal, sosio ekonomi, sosio budaya, pemikiran, kognitif dan psikologi seseorang murid tersebut. Menurut sumber daripada Jabatan Pencegah & Pemberantas Jenayah, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sarawak (IPK, Sarawak), mangsa buli lebih menjurus kepada murid-murid menengah rendah iaitu tingkatan satu, dua dan tiga serta murid sekolah rendah. Selain itu, tubuh badan yang kecil juga kerap menjadi mangsa tingkah laku buli di sekolah. Dalam kajian ini pengkaji hanya mengkaji ciri-ciri mangsa buli dari sudut fizikal dan psikologikal sahaja.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



16 ptbupsi

1.13.7. Tahap tingkah laku buli

Tahap tingkah laku buli di sekolah merujuk kepada indeks tingkah laku buli sekolah (Arora, 1999). Tahap tingkah laku buli sekolah dalam kajian ini akan dikira berdasarkan perspektif pelajar yang dilapor menggunakan senarai semak Kehidupan di sekolah yang diubah suai daripada keseriusan buli tersebut sama ada buli yang mendatangkan kecederaan fizikal, gangguan emosi dan sebagainya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my


Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.14. Kerangka Kajian



Rajah 1: Kerangka teori kajian berdasarkan model kajian Olweus (1978) dipetik daripada kajian Azizi Yahya et.al (2008) dan Ahmad Badrul Hisham (2009).

Kerangka teori kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah dipetik dan diubahsuai daripada model kajian yang dibuat oleh Olweus (1978); yang dipetik daripada kerangka teori kajian yang dibuat oleh Azizi Yahya (2008) dan Ahmad Badrul Hisham (2009). Kerangka model kajian ini (seperti pada rajah 1 di atas) menunjukkan hubungan antara beberapa elemen yang mempengaruhi kejadian buli dalam kalangan

murid-murid di sekolah. Elemen seperti jenis tingkah laku buli, punca-punca tingkah laku buli, punca-punca penyebab tingkah laku buli dan ciri-ciri mangsa buli dijadikan pembolehubah bebas dalam kajian ini. Manakala perlakuan buli mengikut tingkatan, kaum dan jantina pula dijadikan pembolehubah bersandar dalam kajian ini.

Elemen demografi seperti jantina, kaum dan tingkatan juga mempengaruhi tingkah laku buli dalam kalangan murid-murid di sekolah. Contohnya jenis tingkah laku buli dalam kalangan murid-murid tingkatan 1 tidak sama dengan jenis tingkah laku buli yang dialami oleh murid-murid tingkatan 5. Semua elemen ini saling berkait antara satu sama lain dalam menentukan corak perlakuan buli dalam kalangan murid-murid sekolah (Olewues, 1972).

Fenomena tingkah laku buli dalam kalangan murid-murid sekolah boleh dikaji dengan menggunakan teori pembelajaran sosial Bandura. Teori ini kelihatan lebih sesuai digunakan kerana secara keseluruhan tingkah laku buli merupakan satu bentuk interaksi sosial (Verlinden et al., 2000 dalam kajian Azizi Yahya, 2009).

Tingkah laku buli banyak berlaku akibat daripada peniruan dan pemerhatian terhadap tingkah laku orang lain. Murid-murid yang pada awalnya menjadi pemerhati terhadap tingkah laku membuli kemudian akan turut terlibat sebagai pembuli. Perlakuan pemerhati kejadian buli akan turut membuli kerana peniruan (Olweus, 1978). Mangsa buli turut akan membuli juga disebabkan oleh peniruan. Mereka akan



melepaskan perasaan marah dan tidak puas hati kepada mangsa yang lebih lemah dan seterusnya melakukan apa yang telah mereka alami ketika dibuli oleh orang lain.

Owens et al. (2001), menyatakan bahawa teori pembelajaran sosial Bandura dirasakan sesuai kerana tingkah laku buli adalah akibat dari apda aspek interaksi sosial. Perlakuan buli yang melibatkan manipulasi sosial untuk mendatangkan kemudaratan kepada mangsa buli dan pemerhati kejadian buli terhadap tingkah laku rakan-rakan akan menentukan jenis-jenis tingkah laku. Oleh yang demikian, mereka akan lebih cenderung untuk melakukan perkara yang sama supaya mereka diterima oleh rakan-rakan.



Seterusnya, teori pembelajaran sosial Bandura ini tidak meminggirkan peranan kognitif. Individu masih mempunyai pilihan sendiri dalam menentukan tingkah laku sendiri. Peranan kognitif dapat dijelaskan berfungsi dalam menentukan sasaran atau mangsa untuk dibuli. Kebanyakan pembuli akan memilih mangsa yang lebih lemah daripadanya.

Kekerapan kejadian buli di sekolah banyak dipengaruhi oleh interaksi murid-murid dengan rakan sebaya. Menurut Azizi Yahya (2009), latar belakang sekolah seperti saiz sekolah, saiz kelas, kurikulum dan guru juga mempunyai pengaruh terhadap tingkah laku murid termasuk tingkah laku buli. Bagaimana latar belakang sekolah berfungsi dalam mempengaruhi tingkah laku murid dapat dijelaskan dengan



menggunakan teori pembelajaran sosial. Misalnya guru dijadikan model oleh murid-murid. Murid-murid akan memerhati dan seterusnya meniru pelakuan guru yang mereka suka.

1.15. Penutup

Kajian ini dijalankan untuk megetahui tahap, punca dan ciri-ciri mangsa buli di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Kawa. Beberapa perkara seperti latar belakang masalah buli, objektif kajian, persoalan, kepentingan dan hipotesis kajian telah dibincangkan dalam bab ini. Bab-bab seterusnya akan membincangkan beberapa hasil

 kajian lepas  tentang tingkah laku  buli  sama ada kajian yang dijalankan dalam negeri  ptbupsi mahu pun dari luar negeri.